



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**7 Ogos 2021
27 Zulhijjah 1442h**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• 10 tukun tiruan di dasar Kuala Kemasin
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo !	
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
Free Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Sabah tangguh SST ke atas eksport makanan laut (Online)
Utusan Borneo	<ul style="list-style-type: none">• Kerajaan Negeri tangguh SST produk makanan laut (Online)
Sabah Post	<ul style="list-style-type: none">• Sabah tangguh pelaksanaan SST terhadap eksport makanan laut (Online)

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT ONLINE	TARIKH 07/08/2021
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI <i>FREE MALAYSIA</i>		
KATEGORI LIPUTAN :	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

Sabah tangguh SST ke atas eksport makanan laut



Timbalan Ketua Menteri Sabah, Jeffrey Kitingan berharap penangguhan SST kepada industri eksport makanan laut akan memberi kelegaan kepada pemain industri. (Gambar Bernama)

KOTA KINABALU: Kerajaan Sabah akan menangguhkan pelaksanaan cukai jualan negeri (SST) bagi eksport makanan laut sehingga keadaan ekonomi bertambah baik, kata Timbalan Ketua Menteri, Jeffrey Kitingan.

Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah itu berkata, kerajaan negeri juga akan menjalankan kajian lanjutan mengenai keadaan ekonomi di Sabah, terutama situasi semasa industri perniagaan.

"Kerajaan ambil perhatian terhadap maklum balas peniaga, terutama daripada industri makanan laut, terhadap pelaksanaan SST. Kerajaan juga memahami kebimbangan mereka, tidak adil memberikan tekanan tambahan kepada sektor swasta ketika ini."

"Justeru, kementerian membincangkan keadaan ini dengan Ketua Menteri merangkap Menteri Kewangan Sabah, Hajiji Noor dan memutuskan kerajaan tidak dapat membatalkan cukai tersebut, sebaliknya ditangguh buat sementara waktu sehingga ke satu tarikh yang akan diumumkan kelak," katanya dalam kenyataan.

Beliau berharap penangguhan SST terhadap industri eksport makanan laut akan memberi kelegaan kepada pemain industri.

"Kerajaan akan sentiasa menyokong sektor swasta kerana sektor ini merupakan tulang belakang ekonomi Sabah dan penyumbang terbesar dalam menawarkan peluang pekerjaan di negeri ini."

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		ONLINE	07/08/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI UTUSAN BORNEO			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

Kerajaan Negeri tangguh SST produk makanan laut



JEFFREY

KOTA KINABALU: Kerajaan Sabah akan menangguhkan pelaksanaan Cukai Jualan Negeri (SST) sehingga keadaan ekonomi bertambah baik.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Seri Dr. Jeffrey Kitingan berkata, kerajaan juga akan menjalankan kajian lanjutan mengenai keadaan ekonomi di Sabah, terutama sekali situasi semasa industri perniagaan di wilayah ini.

"Kerajaan ambil maklum dan prihatin akan maklumbalas peniaga, terutama daripada industri makanan laut, terhadap pelaksanaan SST.

"Kerajaan juga memahami kebimbangan mereka dan adalah tidak adil memberikan tekanan tambahan terhadap sektor swasta pada masa ini.

"Oleh itu, sebagai Menteri Pertanian dan Perikanan, kementerian saya telah membincangkan situasi ini dengan Ketua Menteri yang juga Menteri Kewangan serta memutuskan bahawa walaupun kita tidak dapat membatalkan cukai itu, pelaksanaan cukai ini ditunda serta merta ke satu tarikh yang akan diumumkan nanti," katanya dalam sebuah kenyataan di sini, semalam.

Beliau berharap penangguhan cukai penjualan ke atas industri eksport makanan laut akan memberi ruang bernafas bagi pemain industri.

Beliau juga menambah bahawa kerajaan akan sentiasa menyokong sektor swasta kerana sektor ini merupakan tulang belakang ekonomi Sabah dan penyumbang peluang pekerjaan terbesar di wilayah ini.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT ONLINE	TARIKH 07/08/2021
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI SABAH POST		
KATEGORI LIPUTAN :	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

Sabah Tangguh Pelaksanaan SST Terhadap Eksport Makanan Laut



Datuk Dr Jeffrey Kitingan

KOTA KINABALU : Kerajaan negeri Sabah akan menangguhkan pelaksanaan cukai jualan negeri (SST) bagi eksport makanan laut sehingga keadaan ekonomi bertambah baik, kata Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Jeffrey Kitingan.

Jeffrey yang juga Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah berkata kerajaan juga akan menjalankan kajian lanjutan mengenai keadaan ekonomi di Sabah terutama situasi semasa industri perniagaan.

"Kerajaan ambil perhatian terhadap maklum balas peniaga terutama daripada industri makanan laut, terhadap pelaksanaan SST. Kerajaan juga memahami kebimbangan mereka, tidak adil memberikan tekanan tambahan terhadap sektor swasta ketika ini.

"Justeru kementerian telah membincangkan keadan ini dengan Ketua Menteri merangkap Menteri Kewangan Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor dan memutuskan kerajaan tidak dapat membatalkan cukai tersebut, sebaliknya ditangguh buat sementara waktu sehingga ke satu tarikh diumumkan kelak," katanya dalam kenyataan dikeluarkan di sini hari ini.

Beliau berharap penangguhan SST terhadap industri eksport makanan laut akan memberi kelegaan kepada pemain industri.

"Kerajaan akan sentiasa menyokong sektor swasta kerana sektor ini merupakan tulang belakang ekonomi Sabah dan penyumbang terbesar dalam menawarkan peluang pekerjaan di negeri ini," tambahnya. – BERNAMA

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		



KERJA melabuhkan tukun tiruan ke dasar laut di Kuala Kemasin, Bachok, Kelantan. - UTUSAN/TOREK SULONG

10 tukun tiruan di dasar Kuala Kemasin

Oleh TOREK SULONG
utusannews@mediamulia.com.my

BACHOK: Sebanyak 10 unit tukun tiruan bernilai kira-kira RM300,000 dilabuhkan di lokasi sekitar 8.7 kilometer dari Kuala Kemasin, di sini dengan kedalaman 15.4 meter bagi membenarkan lubuk ikan bahari untuk dimanfaatkan nelayan pantai dan pemancing.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri, Tuan Mohd. Saripudin Tuan Ismail berkata, usaha Jabatan Perikanan Kelantan itu juga dapat mewujudkan santuari kepada pelbagai jenis hidupan marin.

Ini kerana kata beliau, tukun tiruan ini mampu menjadi perlindung habitat marin yang musnah akibat aktiviti perikanan dan bencana alam.

"Pembinaan tukun tiruan juga menjadi benteng penahanan ombak dan arus deras bagi mengawal hakisan pantai selain menghalang aktiviti menangkap ikan menggunakan pukat tunda di persisiran pantai."

"Dalam aspek pelancongan komersial, kawasan yang dilonggokkan tukun tiruan boleh dijadikan sebagai destinasi agropelancongan untuk aktiviti perikanan rekreasi dan selam scuba selain tempat kajian dan penyelidikan saintifik," katanya.

Beliau berkata demikian ke-

pada *Utusan Malaysia* selepas program membina tukun tiruan di perairan pantai sekitar Bachok, di sini semalam.

Mohd. Saripudin berkata, program sama dilaksanakan pada 2018 apabila Jabatan Perikanan Kelantan berjaya melabuhkan 13 tukun tiruan bernilai RM300,000 berhampiran Kuala Tak Bai, Pengkalan Kubur, Tumpat.

Katanya, berdasarkan perhatian, lokasi yang dilabuhkan tukun tiruan menjadi tempat yang paling selamat untuk hidupan laut membiak bebas dari zon pukat tunda selain tangkap ikan yang kebanyakannya gred A boleh dilakukan dengan kaedah memancing sahaja.